

## **“ PEMBANGUNAN URBANISASI SARAWAK DAN CABARANNYA.”**

**Rosita Hj. Suhaimi**

### **Abstrak**

*Proses urbanisasi di Sarawak memang sudah berkembang dengan pesat. Urbanisasi di Sarawak adalah disebabkan dua(2) faktor utama, iaitu pertambahan penduduk di kawasan bandar dan peningkatan penghijrahan, khususnya di bandar Kuching, Bintulu dan Miri. Secara keseluruhan, bilangan penduduk di kawasan bandar telah bertambah setelah satu dekad berlalu, terutamanya di bandar-bandar utama seperti di Kuching, Bintulu, Miri dan Sibu. Pada tahun 1980, hanya 24.2% daripada penduduk tinggal di bandar Kuching. Keadaan ini sudah jauh berbeza pada tahun 1991, di mana 75.3% telah menetap di bandar. Ini disebabkan peningkatan penduduk ataupun disebabkan oleh penakrifan semula kawasan bandar. Bilangan penduduk di bandar terus meningkat ke 85.5% pada tahun 2000. Begitu juga bagi bandar Bintulu, Miri dan Sibu pada tahun 1991 dan 2000. Salah satu faktor yang mempercepatkan proses urbanisasi di Sarawak ialah migrasi penduduk. Daripada Banci Penduduk 1991, penghijrahan antara tempat atau migrasi dalaman adalah tertinggi di Sarawak berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia, iaitu 10.7%. Bandar-bandar utama menjadi penerima bersih yang besar seperti dalam tempoh 1986 - 1991, Kuching menerima 30,986 penghijrah, Miri menerima 20,800, Bintulu menerima 20,297 penghijrah dan Sibu menerima 19,161 penghijrah. Pelbagai masalah telah menjadi cabaran kepada penduduk Sarawak, seperti pengangguran, kemiskinan, kesihatan kurang memuaskan, pencapaian pendidikan yang rendah, dan sosio-ekonomi luar bandar semakin merosot. Adalah dicadangkan agar beberapa tindakan strategik dilakukan agar masyarakat Sarawak dapat dimajukan pada masa hadapan.*

### **PENGENALAN**

Proses urbanisasi di Sarawak memang sudah berkembang dengan pesat. Ini boleh dilihat daripada pertambahan penduduk di bandar dan keadaan ekonomi yang jauh lebih baik. Kemudahan pendidikan, kesihatan dan lain-lain kemudahan sosial juga semakin baik. Hasil daripada proses urbanisasi ini, masyarakat Sarawak telah banyak melalui corak kehidupan dan akan meng-

hadapi cabaran-cabaran urbanisasi. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan keadaan urbanisasi yang dilalui oleh penduduk Sarawak serta sebab-sebab berlakunya urbanisasi. Seterusnya, kertas kerja ini akan memaparkan beberapa cabaran yang sedang dan akan ditempuhi oleh masyarakat Sarawak. Bahagian akhir kertas kerja ini akan cuba mengutarakan beberapa strategi dan tindakan yang perlu diambil oleh masyarakat Melayu sendiri.

## **URBANISASI DI SARAWAK**

Urbanisasi di Sarawak adalah disebabkan dua(2) faktor utama, iaitu pertambahan penduduk di kawasan bandar dan peningkatan penghijrahan, khususnya di bandar Kuching, Bintulu dan Miri.

### **2.1 Pertambahan penduduk kawasan bandar**

Secara umumnya, peratusan penduduk Sarawak yang tinggal di kawasan bandar pada tahun 1970 ialah kira-kira 15.5%. Peratusan ini meningkat ke 18.0% pada tahun 1980. Peningkatan yang jauh lebih mendadak ialah pada tahun 1991, iaitu 37.5%. Pastinya peratusan ini akan semakin meningkat pada tahun 2000. Data tahun 2000 belum dapat diketahui kerana Laporan Banci Penduduk 2000 belum diperolehi. Taburan peratus penduduk bandar di empat buah bandar besar adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Peratus penduduk Sarawak dan bandar-bandar utama di kawasan bandar**

Bandar Utama	1980 (%)	1991 (%)	2001 (%)
Sarawak	18.0	37.6	47.9
Kuching	24.2	75.3	85.5
Bintulu	0.0	60.2	74.3
Miri	54.6	63.8	76.3
Sibu	65.3	78.3	79.6

Sumber : Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Buku Tahunan Perangkaan 1999, Banci Penduduk & Perumahan Malaysia 2000, Laporan Kiraan Permulaan bagi Kawasan Bandar dan Luar Bandar.

Secara keseluruhan, bilangan penduduk di kawasan bandar telah bertambah setelah satu dekad berlalu, terutamanya di bandar-bandar utama seperti di Kuching, Bintulu, Miri dan Sibu. Pada tahun 1980, hanya 24.2% daripada penduduk tinggal di bandar Kuching. Keadaan ini sudah jauh berbeza pada tahun 1991, di mana 75.3% telah menetap di bandar. Ini disebabkan peningkatan penduduk ataupun disebabkan oleh penakrifan semula kawasan bandar. Bilangan penduduk di bandar terus meningkat ke 85.5% pada tahun 2000. Begitu juga bagi bandar Bintulu, Miri dan Sibu pada tahun 1991 dan 2000.

**Jadual 2: Peratus penduduk Sarawak mengikut jantina di bandar-bandar utama**

<b>Bandar Utama</b>	<b>1991</b>		<b>2000</b>	
	<b>Wanita</b> <b>(%)</b>	<b>Lelaki</b> <b>(%)</b>	<b>Wanita</b> <b>(%)</b>	<b>Lelaki</b> <b>(%)</b>
Sarawak	48.8	51.2	49.9	50.1
Kuching	50.1	49.9	50.0	50.0
Bintulu	44.3	55.7	47.2	52.8
Miri	48.0	52.0	48.7	51.3
Sibu	50.8	49.2	50.2	49.8

Sumber : Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Buku Tahunan Perangkaan 1999, Banci Penduduk & Perumahan Malaysia 2000, Laporan Kiraan Permulaan bagi Kawasan Bandar dan Luar Bandar.

Secara amnya, bilangan wanita dan lelaki di Sarawak dan bandar-bandar utamanya adalah seimbang. Keadaan ini dengan secara langsung dapat mengelakkan masalah mendapat pasangan hidup dan seterusnya memungkinkan pertambahan penduduk pada masa depan. Proses urbanisasi juga akan berkembang pesat dengan adanya perkembangan penduduk.

**Jadual 3: Peratus penduduk Sarawak mengikut bangsa pada tahun 1991 di bandar-bandar utama**

<b>Bandar Utama</b>	<b>Melayu (%)</b>	<b>Iban (%)</b>	<b>Bidayuh (%)</b>	<b>Melanau (%)</b>	<b>Cina (%)</b>	<b>Lain-lain Bumiputera (%)</b>
Sarawak	21.3	29.4	8.3	5.7	27.2	18.7
Kuching	34.1	6.9	13.6	0.8	41.7	0.5
Bintulu	11.1	41.2	1.6	14.0	24.0	5.3
Miri	18.4	27.9	1.7	5.0	32.0	10.5
Sibu	10.2	22.0	0.9	7.6	57.3	0.4

Sumber : Malaysia, Jabatan Peranggan Malaysia, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991; Laporan Penduduk Negeri Sarawak.

Daripada Jadual 3, kebanyakan orang Melayu berpusat di bandar Kuching, di mana 34.1% daripada jumlah penduduk di Kuching adalah orang Melayu. Orang Iban pula lebih berpusat di bandar Bintulu, tapi ramai juga yang menetap di Miri dan Sibu. Orang Bidayuh pula berpusat di Kuching dan orang Melanau berpusat di Bintulu. Orang Cina pula amat menyerlah bermastautin di dua buah bandar utama, iaitu bandar Sibu (57.3%) dan Kuching (41.7%). Mereka juga ramai di bandar Miri dan Bintulu. Sesuai dengan cara hidup orang Cina yang cenderung mengejar keadaan ekonomi yang lebih stabil, mereka memang mengambil peluang tersebut di bandar-bandar utama.

**Jadual 4: Peratus bumiputera dan bukan bumiputera di Sarawak pada tahun 1991**

Bandar Utama	Bumiputera (%)	Bukan Bumiputera (%)
Sarawak	70.8	29.1
Kuching	55.8	44.2
Bintulu	73.3	26.7
Miri	63.3	36.7
Sibu	41.0	59.0

Sumber : Malaysia, Jabatan Peranggan Malaysia, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991; Laporan Penduduk Negeri Sarawak.

Walaupun secara keseluruhan, majoriti penduduk Sarawak adalah kaum Bumiputera namun di tiga buah bandar utama, iaitu di Sibu, Kuching dan Miri ramai juga kaum bukan bumiputera yang dominan di bandar-bandar tersebut.

Pertambahan penduduk dikatakan ada kaitan dengan perkahwinan dan perkahwinan pula mempunyai kesan ke atas paras kesuburan secara keseluruhan dan seterusnya ke atas saiz dan struktur umur penduduk. Namun telah dipastikan bahawa peningkatan bilangan penduduk adalah kerana peningkatan penduduk dan perubahan dalam taburan umur dan bukannya kesan dari peningkatan dalam kadar berkahwin. Namun, umur minima berkahwin mempunyai kaitan terhadap tahap kesuburan penduduk. Umur minima perkahwinan antara lelaki dan perempuan di beberapa bandar utama pada tahun 1991 adalah seperti dalam jadual 5.

**Jadual 5: Umur minima berkahwin mengikut jantina.**

Bandar Utama	Lelaki	Perempuan
Sarawak	26.5	23.1
Kuching	27.6	24.8
Bintulu	26.7	21.8
Miri	27.0	23.2
Sibu	26.4	24.0

Sumber : Malaysia, Jabatan Peranggan Malaysia, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991; Laporan Penduduk Negeri Sarawak.

Secara umumnya, umur minima berkahwin ialah 21 tahun ke atas dengan kaum perempuan (23.1 tahun) lebih awal berkahwin daripada lelaki. (26.5 tahun) Wanita di Kuching (24.8 tahun) lewat sedikit berkahwin mungkin kerana faktor kerjaya di kota. Semua bandar utama menunjukkan pola yang sama dan tahap umur yang sama untuk berkahwin. Namun di bandar Bintulu, perempuan lebih awal lagi berkahwin, iaitu pada 21.8 tahun berbanding dengan bandar-bandar lain di sekitar 23-24 tahun. Biasanya tahap kesuburan menurun apabila tingkat umur meningkat. Ada kemungkinan bilangan penduduk Bintulu akan bertambah dengan kadar pertumbuhan yang lebih cepat kerana faktor kesuburan pada usia muda. Menurut Dr. Miriam Stoppard, kumpulan wanita berumur 18 - 20 tahun mempunyai kesuburan sebanyak 95%, mereka berumur 21 - 25 tahun mempunyai kesuburan sebanyak 94%. Selepas berumur 26 tahun ke atas, kesuburan akan menurun dengan mendadak.

## 2.2 Migrasi

Salah satu faktor yang mempercepatkan proses urbanisasi di Sarawak ialah migrasi penduduk. Daripada Banci Penduduk 1991, penghijrahan antara tempat atau migrasi dalaman adalah tertinggi di Sarawak berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia, iaitu 10.7%. Bandar-bandar utama menjadi penerima bersih yang besar seperti dalam tempoh 1986 - 1991, Kuching menerima 30986 penghijrah, Miri menerima 20,800, Bintulu menerima 20,297 penghijrah dan Sibu menerima 19161 penghijrah. Daripada semua bandar utama ini, jika kita melihat dari aspek penghijrahan bersih (Jumlah penghijrah masuk tolak jumlah penghijrah keluar) Bintulu merupakan kawasan bandar yang menerima bilangan yang terbesar iaitu 12,998 dalam tempoh 1986 - 1991

dan merupakan 34.9% daripada jumlah penduduk pada tahun 1991. Ini diikuti oleh bandar Kuching sebanyak 11,287 penghijrah bersih atau 10.7% daripada jumlah penduduknya pada tahun yang sama. Seterusnya, Miri menerima seramai 8924 penghijrah bersih atau 17.1% daripada jumlah penduduknya. Sibu pula mengalami penghijrahan bersih negatif atau penghijrahan keluar bersih walaupun ia dianggap bandar utama yang kedua terbesar. Sibu menerima ramai penghijrah namun bilangan penghijrah yang keluar adalah lebih ramai. Ini bermakna para penghijrah mungkin beranggapan bahawa bandar Sibu tidak berapa sesuai kepada mereka dan sekadar tempat persinggahan untuk mencari tempat yang lebih sesuai. Ini juga bermakna peluang pekerjaan di bandar utama lain adalah lebih menarik dan mungkin lebih tinggi, terutama sekali di bandar Bintulu. Penduduk Sibu sendiri juga turut berhijrah keluar ke bandar-bandar lain.

**Jadual 6: Peratus penghijrah dari luar negara, antara negeri dan dalam negeri daripada jumlah penduduk di Sarawak bagi tahun 1986-1991**

Negeri	Penghijrah dari luar negara	Penghijrah antara negeri bersih	Penghijrah antara negeri bersih
Johor	1.6	0.9	0.9
Kedar	0.3	-0.4	-0.4
Kelantan	1.3	-2.4	-2.4
Melaka	0.5	-2.8	-2.8
Negeri Sembilan	0.7	-0.3	-0.3
Pahang	1.6	-0.1	-0.1
Perak	0.4	-3.8	-3.8
Perlis	0.7	1.4	1.4
Pulau Pinang	0.6	0.2	0.2
Sabah	7.0	-0.1	-0.1
Sarawak	1.1	-0.2	-0.2
Selangor	1.4	6.8	6.8
Terengganu	1.7	-0.7	-0.7
W. P. Kuala Lumpur	2.0	-3.7	-3.7
W. P. Labuan	3.6	6.2	6.2

Sumber : Malaysia, Jabatan Peranggan Malaysia, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991; Laporan Penduduk Negeri Sarawak.

**Jadual 7: Penghijrahan antara daerah, Sarawak 1986 - 1991**

<b>Bandar Utama</b>	<b>Bilangan Penghijrah Masuk</b>	<b>Bilangan Penghijrah Keluar</b>	<b>Penghijrahan Bersih</b>	<b>Bilangan Penghijrah antar daerah bersih sebagai % Jumlah Penduduk daerah pada 1991</b>
Kuching	30,986	19,699	+11,287	10.71
Bintulu	20,297	7,299	+12,998	34.85
Miri	20,800	11,876	+8,9924	17.10
Sibu	19,161	21,493	-2,332	-3.93

Sumber: Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991; Laporan Penduduk Negeri Sarawak

**Jadual 8: Peratus penghijrah Sarawak di bandar-bandar utama mengikut bentuk migrasi**

<b>Bentuk Migrasi</b>	<b>Peratusan Penghijrah</b>
Bandar-bandar	28.6
Desa-desa	19.5
Desa-bandar	32.0
Bandar-desa	19.9

Sumber : Malaysia, Penyiasatan Migrasi 1999.

Walau bagaimanapun daripada jadual di atas, penghijrahan dari desa ke bandar adalah penghijrahan yang terbesar di Sarawak. Ini mungkin berlaku kerana banyak projek pembangunan ekonomi telah dibuka di bandar yang

menarik lebih ramai migran dari bandar berhijrah ke bandar yang dulunya mungkin berasal dari luar bandar. Bagi kategori penghijrah desa ke bandar, mereka adalah terdiri daripada penghijrah yang berumur 15-34 tahun. Penghijrahan ini mungkin didorong oleh desakan ekonomi, iaitu untuk mendapat peluang pekerjaan yang kononnya lebih baik di bandar. Kategori yang kedua terbesar ialah migrasi bandar ke bandar. Para penghijrah ini terdiri daripada mereka yang ingin mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik daripada bandar asal mereka. Ini diikuti oleh migrasi bandar ke desa. Di Sarawak, kerajaan telah banyak menggalakkan sektor pertanian secara komersil yang mungkin lebih lumayan pendapatannya daripada bekerja di bandar. Golongan migrasi desa-desa pula terdiri daripada para pelajar yang berumur 14 tahun ke bawah yang mungkin disebabkan mencari peluang pendidikan yang lebih baik atau kerana kurang kemudahan pendidikan di tempat asal. Di Sarawak, terdapat sesetengah tempat di luar bandar tidak mempunyai sekolah menengah. Oleh itu, para pelajar yang telah tamat sekolah rendah terpaksa berpindah sekolah ke desa lain yang mempunyai kemudahan pendidikan yang lebih baik.

Oleh kerana migrasi dalaman ini merupakan penyumbang kepada proses urbanisasi selain pertambahan penduduk, maka amatlah menarik untuk kita meneliti ciri-ciri para penghijrah atau migran ini dengan lebih terperinci seperti berikut:

a) **Kumpulan umur**

Daripada Laporan Banci Penduduk 1991 dan Penyiasatan Migrasi 1999, secara umumnya, ramai penghijrah adalah mereka yang berumur 15 hingga 34 tahun. Ini bermakna mereka merupakan daripada golongan tenaga buruh yang ingin mencari peluang pekerjaan yang lebih baik atau lebih stabil. Pada tahun 1999, 77.6% migran lelaki dan 82.3% migran wanita adalah dalam lingkungan umur 15 - 34 tahun. Walau bagaimanapun, umur migran lelaki secara purata adalah lebih tinggi daripada migran wanita.

b) **Jantina**

Kebanyakan migran desa - bandar adalah lelaki kecuali penghijrah di Kuching. Ciri ini adalah biasa kerana wanita dikatakan kurang selamat berhijrah terutamanya berhijrah seorang diri. Kajian Jamilah Ariffin mengatakan wanita menghadapi masalah sosio-psikologi setelah melakukan migrasi. Faktor keluarga yang masih mahu melindungi anak perempuan daripada gejala sosial yang mungkin terjadi kepada migran wanita juga

mempengaruhi bilangan wanita yang ingin berhijrah.

c) **Bangsa**

Kumpulan etnik migran yang terbesar di Sarawak ialah bangsa Iban yang berhijrah dari desa ke bandar. Pada tahun 1995, penghijrah kaum Iban adalah seramai 49.1% daripada jumlah penghijrah desa -bandar.

**Jadual 9: Taburan penghijrah desa ke bandar mengikut kumpulan etnik di Sarawak 1991**

<b>Kumpulan Etnik</b>	<b>Bandar Utama</b>			
	<b>Kuching (%)</b>	<b>Sibu (%)</b>	<b>Bintulu (%)</b>	<b>Miri (%)</b>
Melayu	30.2	9.3	9.0	22.2
Iban	15.4	50.7	62.8	44.5
Bidayuh	35.3	2.0	2.2	3.0
Melanau	1.1	14.6	6.6	5.5
Cina	16.8	22.5	14.2	15.2

Sumber : Malaysia, Jabatan Peranggan Malaysia, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991; Laporan Penduduk Negeri Sarawak.

d) **Status perkahwinan**

Mobiliti buruh amat tinggi di kalangan penduduk yang belum berkahwin kerana tiada ikatan daripada keluarga. Jika migran sudah berkahwin, ia juga melibatkan kos untuk berhijrah. Oleh itu, kebanyakan migran desa ke bandar terdiri daripada mereka yang belum berkahwin.

e) **Tahap pendidikan**

Kebanyakan migran sama ada migran bandar-bandar, bandar-desa, desa-desa atau desa-bandar, mempunyai tahap pendidikan rendah dan menengah. Ramai kaum Bidayuh yang mempunyai tahap pendidikan tertiaris didapati mahu berhijrah dari bandar ke desa manakala kaum Melanaus yang berpendidikan tertiaris lebih cenderung berhijrah dari desa ke bandar. Kaum Iban dan Melayu yang berpendidikan tertiaris lebih gemar berhijrah dari bandar ke bandar.

**Jadual 10: Penghijrah meugikut jenis migrasi, kumpulan etnik dan tahap pendidikan tertinggi dicapai, Sarawak 1995**

Kumpulan Etnik	Kuching (%)	Sibu (%)	Bintulu (%)	Miri (%)
<b>Iban</b>				
Tiada Pendidikan Formal	11.1	26.3	30.4	27.4
Rendah	28.8	41.4	31.7	28.8
Menengah	37.3	29.6	34.3	39.8
Tertiari	22.7	2.7	3.6	4.0
<b>Melayu</b>				
Tiada Pendidikan Formal	9.8	19.8	30.8	14.0
Rendah	28.9	43.2	37.9	25.3
Menengah	44.7	34.2	31.3	52.2
Tertiari	16.6	2.8	0.0	8.5
<b>Bidayuh</b>				
Tiada Pendidikan Formal	10.7	27.5	14.6	5.1
Rendah	27.7	11.9	35.2	22.7
Menengah	55.0	37.1	44.9	67.1
Tertiari	6.6	23.5	5.4	5.0
<b>Melanaus</b>				
Tiada Pendidikan Formal	12.4	23.5	16.6	0.0
Rendah	20.1	13.9	41.5	34.7
Menengah	50.9	56.7	39.2	43.2
Tertiari	16.6	5.9	2.7	22.1
<b>Cina</b>				
Tiada Pendidikan Formal	10.5	18.9	25.4	10.6
Rendah	30.7	30.4	28.0	10.0
Menengah	41.2	39.9	46.6	67.8
Tertiari	17.6	10.8	-	5.6

Sumber : Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Penyiasatan Migrasi 1995.

**f) Sektor pekerjaan**

Kebanyakan migran bekerja di sektor pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan. Ini sejajar dengan proses urbanisasi yang memerlukan lebih banyak prasarana dan pertumbuhan ekonomi ke arah sektor perindustrian. Peningkatan permintaan terhadap pembinaan prasarana dan pembukaan perindustrian sudah pasti menawarkan banyak peluang dalam bidang berkaitan.

**3.0 KESAN PEMBANGUNAN URBANISASI DAN CABARANNYA**

Secara keseluruhannya, urbanisasi membawa banyak perubahan kepada prasarana dan ekonomi sesuatu tempat. Pendapatan negara biasanya akan meningkat, namun taraf hidup tidak semestinya akan meningkat juga. Kos hidup juga boleh meningkat yang boleh menghapuskan faedah peningkatan pendapatan. Masalah sosial juga dijangka akan meningkat. Oleh itu, berikut adalah beberapa kesan positif dan negatif pembangunan urbanisasi serta cabarannya yang perlu dikenalpasti seperti berikut:

**3.1 Kesan positif pembangunan urbanisasi****3.1.1 Lebih ramai pekerja berpendidikan tinggi di bandar**

Daripada Jadual 10, lebih ramai migran yang mempunyai tahap pendidikan menengah dan tertiar i melakuk an migrasi bandar ke bandar dan desa ke bandar. Ini boleh menyebabkan produktiviti meningkat di bandar dengan adanya pekerja yang berpengetahuan. Dalam era K-ekonomi (Knowledge Economy), wujud hubungan langsung di antara ilmu pengetahuan yang dimiliki pekerja dengan upah yang diterima dan seterusnya produktiviti yang disumbangkan oleh para pekerja.

**3.1.2 Pendapatan warga bandar meningkat**

Dengan adanya arus pembangunan di bandar-bandar utama akibat proses urbanisasi, adalah dijangka tingkat pendapatan di bandar turut meningkat kerana persaingan pihak firma untuk mendapatkan tenaga buruh bagi tujuan proses pengeluaran. Proses urbanisasi telah membawa banyak aktiviti ekonomi dijalankan di bandar yang sudah tentu memerlukan faktor pengeluaran seperti buruh. Oleh itu, lebihan permintaan terhadap buruh boleh meningkatkan kadar upah.

### 3.1.3 Peluang pekerjaan bertambah di bandar menarik lebih ramai migrasi

Seperti yang telah dinyatakan di atas, pemesatan pertumbuhan ekonomi bakal memberi lebih banyak peluang pekerjaan. Keadaan ini merupakan daya tarikan kepada penduduk di luar bandar, terutama golongan remaja yang baru tamat persekolahan atau pelajaran. Oleh itu, adalah dijangka lebih banyak migrasi akan berlaku, sama ada migrasi bandar ke bandar atau desa ke bandar kecuali usaha dilakukan untuk melaksanakan lebih banyak aktiviti ekonomi di luar bandar.


### 3.1.4 Pelaburan bertambah di bandar

Keadaan ekonomi dalam kemelambungan akan menarik lebih banyak pelaburan tertumpu di bandar. Peningkatan suntikan pelaburan pula bakal meningkatkan pendapatan negara pada masa depan. Pelaburan yang dimaksudkan ialah pelaburan awam dan swasta. Lebihan permintaan yang wujud di bandar boleh menawarkan tingkat harga ke paras yang tinggi jika tiada sokongan daripada penawaran barang-barang dan perkhidmatan oleh pihak firma. Selain itu, pihak kerajaan juga harus menyediakan kemudahan prasarana yang mencukupi agar ia seiring dengan arus pembangunan yang dirancang.

## 3.2 Kesan negatif pembangunan urbanisasi

### 3.2.1 Masalah pengangguran

Sebahagian besar daripada proses migrasi adalah berpuncak daripada faktor ekonomi, iaitu untuk mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik dan seterusnya mencapai taraf hidup yang lebih tinggi. Ini mungkin disebabkan oleh penciptaan pekerjaan yang wujud di bandar-bandar utama melalui perkembangan industri. Walau bagaimanapun, jika migrasi digalakkan melalui peningkatan penciptaan pekerjaan, mengikut Teori Migrasi Todaro kita akan mengalami masalah perangkap tingkat pengangguran yang tinggi kerana masalah ini akan berlaku secara berpusingan seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah berikut:



Walaupun teori mengatakan bahawa pengangguran akan berlaku di bandar, namun setakat ini, masalah pengangguran tidak wujud di bandar-bandar utama di Sarawak. Ini adalah kerana perkembangan ekonomi Sarawak juga pesat mencipta peluang pekerjaan. Masalah pengangguran hanya akan wujud apabila kadar migrasi dalam lebih tinggi daripada kadar penciptaan peluang pekerjaan.

### **3.2.2 Masalah kemiskinan**

Oleh kerana tahap pendidikan migran adalah pada tahap rendah dan menengah, maka kadar upah yang diterima adalah rendah. Pendapatan yang rendah ini pula harus menanggung kos hidup yang tinggi. Biasanya, seorang pendatang perlu menampung kos sewa rumah, pengangkutan dan makanan yang tinggi. Ini menimbulkan masyarakat setinggan di bandar utama di mana kemudahan asas seperti bekalan air paip, elektrik, tandas dan sistem pembuangan sampah sudah tentu tidak teratur. Oleh itu, secara relatifnya para migran akan menjadi bertambah miskin jika berbanding dengan keadaannya di tempat asal. Kualiti hidup juga pasti terjejas. Oleh kerana pendapatan yang diperolehi secara relatifnya lebih rendah, maka kerja lebih masa mungkin dilakukan. Ini mengurangkan masa rehat migran untuk bersama-sama keluarga.

### **3.2.3 Kesihatan anak-anak migran terjejas**

Masalah migran yang kurang mampu menampung kos hidup akan mengurangkan amalan pemakanan yang seimbang. Keadaan ‘mal-nutrition’ selalu dilihat di kalangan anak-anak migran terutamanya di kawasan setinggan. Tahap kurang bersih keadaan sekeliling juga memudahkan sebarang penyakit menjangkiti anak-anak migran.

### **3.2.4 Pencapaian pendidikan yang rendah di kalangan anak-anak migran**

Pencapaian tahap pendidikan anak-anak migran berkemungkinan rendah. Daripada kajian yang telah dibuat oleh Ishak Shari, daripada sejumlah 810 orang anak penghijrah yang menduduki Ujian Penilian Sekolah Rendah (UPSR) pada 1995, 58.5% didapati tidak memperolehi Gred A dalam mana-mana mata pelajaran dan hanya 4.5% sahaja yang memperolehi gred A dalam empat mata pelajaran. Di kalangan anak-anak penghijrah yang menduduki Peperiksaan Menengah Rendah(PMR) pada tahun yang sama, 71.2% tidak memperolehi gred A dalam sebarang mata pelajaran. Di kalangan 342 orang anak penghijrah yang menduduki peperiksaan SPM/SPVM pada

tahun 1995, kadar kegagalan adalah tinggi, iaitu 40.0%. Daripada 234 orang anak penghijrah yang menduduki peperiksaan STPM, 89.0% gagal mendapat kelulusan prinsipal dalam mana-mana mata pelajaran. Kesimpulannya, tidak ramai yang akan melanjutkan pelajaran ke peringkat tertiari. Ishak Shari juga mendapati bahawa 79.5% daripada anak-anak migran adalah daripada jurusan sastera, 15.5% dalam bidang Sains dan 5.0% dalam bidang perdagangan. Keadaan ini boleh menyumbang kepada ketidakseimbangan gunatenaga pada masa depan. Oleh kerana struktur ekonomi kita lebih menjurus ke arah perindustrian, maka keperluan tenaga buruh adalah cenderung berteknologi tinggi. Anak-anak migran mungkin menjadi penganggur atau terpaksa menerima pekerjaan buruh rendah atau kadar upah yang rendah.

### **3.2.5 Sosio-ekonomi luar bandar semakin merosot**

Golongan muda berumur 15 - 34 tahun yang telah berhijrah ke bandar merupakan kumpulan umur produktif. Mereka ini mempunyai taraf pendidikan yang lebih tinggi daripada penduduk desa yang masih tinggal di desa. Oleh itu, di desa-desa hanya tinggal golongan kanak-kanak yang masih bersekolah dan juga orang-orang tua yang kurang berpendidikan. Kumpulan migran yang dikatakan lebih dinamik dan berpelajaran tidak lagi menjadi contoh atau pembimbing kepada penduduk desa, khususnya dalam bidang pendidikan dan ekonomi desa. Kadar celik huruf pada tahun 1991 di kalangan penduduk yang berumur 10 tahun ke atas bagi 17 buah daerah di Sarawak adalah 50 - 69% berbanding kadar celik huruf di seluruh Malaysia. (85.2%)

## **4.0 TINDAKAN DAN CADANGAN MENANGANI URBANISASI**

Urbanisasi di mana-mana pun akan terus berlaku bersama-sama dengan semua kemungkinan dan cabaran yang akan dialami oleh masyarakat tersebut. Proses urbanisasi akan membawa dan membangun ekonomi sesuatu tempat menjadi lebih progresif dan moden. Walau bagaimanapun, kita juga harus menangani masalah yang turut dibawanya.

### **4.1 Keseimbangan penciptaan pekerjaan di semua kawasan**

Proses urbanisasi menggalakkan migrasi khususnya migrasi dalaman. Oleh kerana wujud faktor tarikan ke bandar dan penolakan dari desa, maka tidak dapat dielakkan aliran pergerakan penduduk adalah dari desa ke bandar. Ini menimbulkan keadaan kesesakan di bandar yang masing-masingnya mahu merebut peluang pekerjaan. Selain masalah mencari kerja, migran juga akan

berhadapan dengan masalah perumahan dan kekurangan kemudahan asas di bandar. Tanda-tanda kesesakan ini sudah lama dirasai. Kawasan setinggan yang tumbuh bagai cendawan sudah menjadi kawasan tetap yang banyak mengundang pelbagai masalah kepada pihak berkuasa. Kawasan setinggan ini wujud dengan keadaan susunan kawasan yang tidak teratur. Oleh itu, kita perlu mengimbangi pembangunan di antara pembangunan di bandar dan luar bandar. Penciptaan pekerjaan juga harus diwujudkan di luar bandar yang tidak seharusnya menghadkan kepada sektor pertanian. Jika penciptaan pekerjaan diwujudkan di luar bandar, maka perangkap pengangguran tidak akan mengancam ekonomi negara pada masa depan.

#### **4.2 Prasarana dan kemudahan asas di luar bandar**

Kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, tandas, telefon, tempat-tempat rekreasi dan hiburan serta jalanraya di desa haruslah ditingkatkan. Ini akan dapat meningkatkan kualiti hidup di desa yang tidaklah dianggap lagi serba ke belakang dan membosankan. ‘Keselesaan’ yang dinikmati di bandar haruslah dibawa ke luar bandar agar golongan muda tidak tertarik dengan suasana moden di bandar. Kesimpulanya, apa-apa kemudahan yang disediakan di bandar seharusnya juga diberi penekanan dan perhatian yang seimbang di luar bandar.

#### **4.3 Amalan pemakanan yang seimbang**

Amalan pemakanan yang seimbang dan sihat perlu dipertekankan oleh penduduk di luar bandar. Pihak Kementerian Kesihatan harus mempergiatkan lagi usaha ke arah ini. Tubuh badan yang sihat menjamin kekuatan untuk maju dalam pelbagai bidang seperti cemerlang dalam pendidikan dan juga kerjaya.

#### **4.4 Pencapaian pendidikan yang lebih tinggi dan cemerlang**

Akibat daripada keadaan serba kekurangan di luar bandar, maka migrasi dari desa ke bandar telah berlaku. Migrasi dari desa ke desa juga berlaku di kalangan pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah. Migrasi dari desa ke bandar telah terbukti menurunkan prestasi akademik pelajar khususnya di kalangan anak-anak migran. Migrasi desa ke desa pula memisahkan anak-anak yang masih terlalu muda dengan ibu bapa mereka. Ini boleh mengganggu emosi anak-anak yang terpaksa berpindah sekolah pada usia yang masih mentah. Ini tidak menjamin keputusan akademik yang cemerlang. Kerajaan seharusnya meningkatkan usaha untuk

memodenkan desa khususnya menyediakan kemudahan pendidikan secukupnya seperti mendirikan lebih banyak lagi sekolah rendah/menengah dengan kemudahan moden seperti komputer. Penambahan bilangan perpustakaan desa dengan buku-buku ilmiah haruslah ditingkatkan. Program motivasi harus kerap diadakan oleh pakar-pakar motivasi untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat desa terhadap pentingnya pendidikan pada masa depan. Pelajar-pelajar yang lemah tidak harus dipinggirkan tetapi haruslah dibantu menerusi program khas seperti tuisyen, bimbingan khusus dan sebagainya. Gabungan kerjasama pihak Ikatan Graduan Melayu Sarawak dan Yayasan Budaya Melayu Sarawak boleh membantu ke arah ini.

#### **4.5 Gunatenaga berteknologi tinggi**

Masa depan masyarakat khususnya bergantung kepada kemampuannya untuk menguasai ilmu pengetahuan dan kepakaran untuk menggunakan teknologi baru yang perkembangan amat pantas. Jika anak bangsa kita kurang cemerlang dalam sains dan teknologi, kemungkinan mereka akan jauh tinggal di belakang dan akan menggagalkan usaha kerajaan ke arah perindustrian berteknologi tinggi. Usaha penggalakan ke arah sains telah lama dilakukan oleh UiTM dengan pengambilan pelajar Program Pra Sains yang lemah dalam mata pelajaran sains tetapi kemudian terbukti mampu melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat ijazah sarjana muda dan juga sarjana sains dan teknologi.

#### **4.6 Program-program jati diri**

Semangat yang lemah boleh menggagalkan segala usaha untuk maju. Hidup tanpa sebarang visi juga boleh menyebabkan ketidak-ketentuan hala tuju masa depan. Ini amat ketara sekali bagi muda-mudi di desa disebabkan kurangnya program-program suntikan semangat jati diri yang tinggi dan nasib bangsa di masa hadapan. Maka adalah eloknya pemodenan desa dilengkapkan dengan program-program meningkat jati diri.

### **5.0 KESIMPULAN**

Urbanisasi telah banyak mengubah ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Namun, kesan-kesan negatif yang dibawanya bersama harus juga ditangani dengan bijaksana. Tanpa usaha pembetulan dilakukan, corak pembangunan negara terus dibawa arus urbanisasi yang bercampur-baur dengan masalah yang bakal menghimpit kehidupan kita sendiri.

## 6.0 RUJUKAN

Chamsuri Siwar & Surtahman Kastin Hassan.1999. Ekonomi Malaysia. Longman

Ishak Shaari.2000. Impak Urbanisasi ke atas Masyarakat Melayu Sarawak; Kertas kerja Konvensyen Graduan Malaya Sarawak 2000, anjuran Yayasan Budaya Melayu Sarawak dan Ikatan Graduan Melayu Sarawak.

Jabatan Perangkaan Malaysia. 1995. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991; Laporan Penduduk Negeri Sarawak.

Jabatan Perangkaan Malaysia. 1999. Laporan Penyiasatan Migrasi Malaysia 1999.

Jabatan Perangkaan Malaysia. 1999. Buletin Perangkaan Sosial Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia. 1999. Buku Tahunan Perangkaan 1999.

Jabatan Perangkaan Malaysia, Banci Penduduk & Perumahan Malaysia 2000, Laporan Kiraan Permulaan bagi Kawasan Bandar dan Luar Bandar.

Jamilah Ariffin. 1980. Industrial Development in Peninsular Malaysia & Rural-urban migration of women workers: impact dan Implications. Jurnal Ekonomi Malaysia. Jil. 1 (1)

Manjit S. Sidhu. 1980. Introduction to Population. New Delhi

Miriam Stoppard MD MRCP. 1986. Pregnancy and Birth Book. Dorling Kindersley, London.

Todaro M.P. 1976. Internal Migration in developing countries: A review of theory, evidence, methodology and research priorities. Geneva, International Labour Office.